

DALAM MAHKAMAH SESYEN JOHOR BAHRU

DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

WRIT SAMAN NO – JA-A51NCvC-142-11/2021

ANTARA

CERDIK PUBLICATIONS SDN BHD

[Company No.: 203370-D]

[RADZLAN LOW & PARTNERS]

...PLAINTIF

DAN

1. PEJABAT AGAMA ISLAM JOHOR

2. KERAJAAN NEGERI JOHOR

[PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

NEGERI JOHOR]

...DEFENDAN-DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(INTERLOKUTORI)

LATARBELAKANG KES

[1] Ini adalah rayuan Perayu/Plaintif terhadap keseluruhan keputusan
Mahkamah bertarikh 19/5/2022 di mana Mahkamah Writ Saman



dan Penyataan Tuntutan Plaintiff bertarikh 22/1/2021 dibatalkan dengan kos RM5,000.00.

- [2] Setelah meneliti Notis permohonan di Lampiran 14 (Notis Permohonan pihak Defendan-Defendan untuk membatalkan Writ Saman dan Penyataan Tuntutan Plaintiff), Afidavit, Eksibit, hujahan dan otoriti kedua-dua pihak, Mahkamah membenarkan permohonan Defendan-Defendan dengan kos. Tindakan Plaintiff terhadap Defendan-defendan dibatalkan.

ALASAN DAN DAPATAN MAHKAMAH.

- [1] Lampiran 14 adalah permohonan Defendan-Defendan di bawah Aturan 18 kaedah 19 (1) (a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 atau secara alternatif, ia dibatalkan menurut bidangkausa sedia ada Mahkamah di bawah Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- [2] Afidavit sokongan adalah seperti di Lampiran 15. Alasan permohonan Defendan-Defendan antara lain adalah bahawa:
- a) Tuntutan Plaintiff tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap Defendan-Defendan. Plaintiff dan Defendan Kedua (yang diwakili Defendan Pertama) telah memasuki satu Perjanjian untuk Menerbit, Mencetak dan



Membekal Buku Teks Jabatan Agama Johor bertarikh 6 Februari 2009 (Perjanjian Tersebut).

- b) Menurut Klausula 2 Perjanjian Tersebut, sebagai balasan, Defendan Kedua membenarkan Plaintiff menjual buku-buku tersebut kepada murid-murid sekolah agama di Johor dengan harga yang dipersetujui seperti di Jadual C.
- c) Klausula 28 Perjanjian Tersebut memperuntukkan bahawa “Pembayaran bagi tiap-tiap satu penyerahan akan dibuat oleh Jabatan atau pihak yang berkenaan yang memesan dalam tempoh tiga puluh hari (30) selepas buku tersebut dan invoice yang lengkap diterima daripada penerbit.”
- d) Perjanjian Tersebut tersebut telah luput.
- e) Invoice-invoice yang dinyatakan oleh Plaintiff tidak pernah diterima oleh Defendan-Defendan @ sebaliknya ia dikeluarkan atas nama dan diserahkan kepada “Majlis Guru Agama Daerah Johor Bahru (MAGAD)” yang beralamat di Sekolah Agama Dato’ Onn Jaafar dan bukannya kepada Defendan-Defendan.
- f) Pihak yang sepatutnya dituntut oleh Plaintiff adalah MAGAD.



- g) Tuntutan Plaintiff dihalang oleh Seksyen 6 (1)(a) Akta Had Masa 1953. Tuntutan Plaintiff telah jauh melebihi tarikh terakhir 6 tahun iaitu antara 15 Disember 2016 dan 19 Februari 2020.

[3] Plaintiff dalam affidavit Jawapan mereka menyatakan seperti berikut:

- a) Syarikat Plaintiff dalam Likuidasi dan affidavit diikrarkan oleh Pelikuidasi bagi pihak Plaintiff. Perjanjian antara Plaintiff dan Defendan-Defendan tidak terhad kepada satu Perjanjian bertulis Tersebut sahaja tetapi Perjanjian Tersebut adalah Perjanjian induk yang disusuli oleh perjanjian bertulis susulan antara Plaintiff dan Defendan Pertama.
- b) Plaintiff dan Defendan Pertama telah memasuki satu perjanjian bertulis lain bertarikh 14/8/2014 dan 15/10/2014.
- c) Perjanjian bertulis ini juga telah melibatkan penerbit-penerbit lain.
- d) Perjanjian Tersebut adalah antara Plaintiff dan Defendan-Defendan tetapi pembekalan buku-buku adalah dibuat secara terus kepada Sekolah-sekolah Agama Johor melalui pesanan oleh MAGAD dan segala urusan pembekalan buku dan urusan wang akan dibuat oleh MAGAD bagi pihak Defendan-



Defendan. MAGAD akan menjual dan memungut wang daripada ibubapa/murid bagi buku/kitan yang dijual. Ini adalah mekanisma dalam aturcara dan pengendalian perjanjian bertulis antara pihak-pihak kerana MAGAD adalah pihak yang berada di tapak dan menggunakan buku/kitab yang dibekalkan.

- e) Plaintiff tidak menafikan bahawa invois-invois tersebut adalah lebih daripada tempoh 6 tahun daripada tindakan ini dimulakan tetapi pembekalan buku ini adalah perkara besar ketika itu yang melibatkan banyak pihak. Keadaan keberhutangan ini berlanjutan dan melibatkan perbincangan banyak pihak dan terdapat surat-menyurat sekitar Mei 2016 ke Julai 2016 di mana terdapat pengakuan secara bertulis.
- f) Tuntutan Plaintiff tidak dihalang had masa. Sekitar tahun 2015, 13 penerbit-penerbit yang terlibat dalam penerbitan buku/kitab dengan Defendan-Defendan mengalami masalah pembayaran dan telah sepakat melantik Pengerusi Plaintiff iaitu Dato' Rizal sebagai wakil dan satu mesyuarat telah diadakan dengan Pejabat Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru dan Persatuan Guru Agama Negeri Johor (PESAGA). Pada ketika inilah persetujuan bertulis diperolehi.



- g) Penglibatan MAGAD adalah sebagai pengendali sahaja dan tidak ada Perjanjian antara Plaintiff dengan MAGAD atau PESAGA.
- h) Penubuhan MAGAD adalah bertujuan membolehkan guru-guru agama mendapat komisyen sebagai ejen jualan bagi penerbit-penerbit. Defendan-Defendan mula menjauhkan diri apabila terdapat penyelewengan dan salah seorang ahli MAGAD telah disabitkan kesalahan dan dipenjarakan kerana penyelewengan.
- i) Defendan-Defendan telah cuba menundingjari kepada MAGAD yang Defendan-Defendan sendiri lantik sebagai wakil mereka dan Defendan-Defendan yang bertanggungjawab mewujudkan skim kitab dan buku teks tersebut.

[4] Berdasarkan affidavit-affidavit dan eksibit yang difailkan bagi permohonan ini, Mahkamah membuat dapatan bahawa permohonan Defendan-Defendan di sini adalah tertatur dan sewajarnya dibenarkan. Tuntutan Plaintiff di sini terhadap Defendan-Defendan adalah wajar dibatalkan.

[5] Mahkamah akur bahawa Perjanjian Tersebut yang dirujuk secara asasnya adalah antara Plaintiff dan Defendan-Defendan. Walaupun



begitu, Plaintiff sendiri mengakui dan tidak mempertikaikan Klausula 28 Perjanjian Tersebut yang mana jelas dinyatakan bahawa pihak Jabatan atau pihak berkenaan yang memesan kitab/buku yang dibekalkan Plaintiff.

- [6] Dalam Klausula yang sama, diperuntukkan juga bahawa pembayaran (oleh pihak Jabatan atau pihak yang memesan) hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari selepas buku tersebut dan invois yang lengkap diterima daripada penerbit.
- [7] Invois-invois yang dirujuk oleh Plaintiff dalam affidavit sokongan dikeluarkan dan diserahkan kepada MAGAD. Selaras dengan Klausula 28, Defendan-Defendan tidak pernah dinamakan, diserahkan atau dikeluarkan apa-apa invois bagi tujuan ini.
- [8] Eksibit-eksibit yang dikemukakan oleh Plaintiff daripada invois-invois, surat-menyurat hasil perbincangan, Penyata akaun, Penyata kira-kira, Penyata Tunggakan Hutang, Tuntutan Hutang dan lain-lain semuanya dimajukan/dinyatakan sebagai hutang/tunggakan pihak MAGAD.
- [9] Mahkamah membuat dapatan bahawa walaupun tidak terdapat Perjanjian secara terus antara Plaintiff dan MAGAD, Klausula 28 secara jelas memberi peruntukkan bahawa pembayaran adalah secara terus di uruskan oleh MAGAD. Tiada halangan untuk Plaintiff



menuntut keberhutangan berdasarkan invois-invois yang dikemukakan secara terus kepada MAGAD.

[10] MAGAD berdiri secara sendiri dan jelas daripada Perjanjian Tersebut serta pengakuan Plaintiff. MAGAD adalah pengendali dan ditubuhkan bagi tujuan projek ini dilaksanakan. Tanggungjawab pihak MAGAD telah dijelaskan melalui perjanjian lanjutan sebagaimana dipersetujui pihak-pihak.

[11] Mahkamah menyatakan demikian atas alasan bahawa tuntutan Plaintiff di sini adalah akibat kegagalan pembayaran atas invois-invois yang dikemukakan berdasarkan barangan yang diserahkan (Good Sold and Delivered) dan bukan atas dasar keingkaran Perjanjian Tersebut secara sendirinya.

[12] Berhubung isu had masa, Plaintiff sendiri mengakui bahawa tuntutan adalah lebih had masa 6 tahun tetapi ia tidak menghalang tuntutan Plaintiff di sini kerana ia melibatkan banyak pihak (13 penerbit lain) dan pihak-pihak telah melantik wakil (dari pihak Plaintiff) untuk cuba berbincang.

[13] Mahkamah membuat dapatan bahawa ia bukanlah satu isu yang Mahkamah perlu pertimbangkan apabila ia melibatkan isu undang-undang apa lagi melibatkan seksyen 6 di bawah Akta Had Masa



1953. Tuntutan ini hanya melibatkan Plaintiff dan bukan merangkumi penerbit-penerbit lain. Ia tidak relevan dalam tuntutan Plaintiff di sini.

[14] Daripada surat-surat dan eksibit yang difailkan oleh Plaintiff, Mahkamah mendapati tiada pengakuan keberhutangan oleh Defendan-Defendan malahan pihak yang berurusan masih memohon penjelasan dan pengesahan jika benar ada tunggakan, apakah jumlah sepatutnya, bukti-bukti dan lain-lain dokumen. Oleh demikian, ia bukanlah pengakuan keberhutangan oleh Defendan-Defendan yang melayakkan Plaintiff menggunakan had masa terhenti dengan pengakuan tersebut.

[15] Tambahan pula, dalam afidavit Plaintiff, mereka sendiri mengakui dengan jelas bahawa tuntutan ini jauh melampaui had masa 6 tahun daripada tindakan ini dimulakan. Ini sendiri telah menjadikan tuntutan ini sebagai satu tindakan yang tidak dapat dipertahankan (obviously unsustainable).

[16] Melalui eksibit yang dikemukakan juga, Mahkamah mendapati pihak Plaintiff tidak pernah mengeluarkan Notis Tuntutan terhadap Defendan-Defendan sebelum memulakan tindakan Writ saman di sini.

[17] Mahkamah merujuk peruntukan undang-undang yang digunapakai oleh Defendan-Defendan dalam permohonan ini seperti berikut:



a) Aturan 19 Kaedah 19 (1) (a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

19. Pembatalan pliding dan pengendorsan (A. 18 k. 19)

(1) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan supaya dibatalkan atau dipinda mana-mana pliding atau pengendorsan, apa-apa writ dalam tindakan itu, atau apa-apa jua dalam mana-mana pliding atau dalam pengendorsan, atas alasan bahawa-

(a) ia mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan;

(c) ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau

(d) ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah, dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

b) Aturan 92 kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

4. Kuasa sedia ada Mahkamah (A. 92 k. 4)



Bagi menghapuskan keraguan dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh disifatkan sebagai mengehendkan atau menjejaskan kuasa sedia ada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mencegah ketidakadilan atau untuk mencegah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

- [18] Mahkamah ini membuat dapatan bahawa kes dihadapan kita ini adalah satu kes yang jelas menunjukkan yang tuntutan itu tidak boleh dipertahankan serta tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah sebagaimana diputuskan dalam kes ***Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd*** [1993] 4 CLJ 7.

[1] The principles upon which the Court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19(1) Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule. This summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously unsustainable.



[19] Ini dijelaskan lagi daripada keputusan Ramly Ali HMP dalam kes ***Tan Wei Hong & Ors v. Malaysian Airlines Berhad & Other Appeals [2018] 9 CLJ 425*** seperti berikut:

"[16] The principle for striking out of pleadings pursuant to O. 18 r. 19 of the ROC is well settled. It is applicable only in a plain and obvious case or where a claim is, on the face of it, obviously unsustainable (see: *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7 SC; *Hubbuck & Sons Ltd v. Wilkinson, Heywood & Clard Ltd* [1899] 1 QB 86; *Attorney General of the Duchy of Lancaster v. London and North Western Railway Company* [1892] 3 Ch 274).

[17] The tests for striking out application under O. 18 r. 19 of the ROC, as adopted by the Supreme Court in *Bandar Builder* (supra) are, inter alia, as follows:

- (a) it is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under the rule;
- (b) this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously unsustainable;



(c) it cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case in order to see whether the party has a cause of action or a defence;

(d) if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O. 33 r. 3 of the ROC; and

(e) the court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

[20] Dalam kes dihadapan kita sekarang jelas menunjukkan bahawa isu yang dibangkitkan oleh Plaintiff adalah masalah dalaman dan perkara-perkara yang tidak relevan dan bukan melibatkan Defendan-Defendan di sini. Tambahan pula, ia adalah permintaan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan untuk bagi menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh MAGAD yang mana MAGAD sudah tidak berupaya untuk menjelaskan tuntutan berdasarkan invois-invois yang dikemukakan akibat masalah dalaman.

[21] Tambahan pula, pengakuan Plaintiff berhubung isu had masa adalah satu pengakuan yang mana secara undang-undang, tuntutan dan tindakan di sini tidak dapat dipertahankan.



[22] YA Ramly Ali HMP dalam kes yang sama menambah:

[19] The basic test for striking out as laid down by the Supreme Court in *Bandar Builder* (supra) is that the claim on the face of it must be '**obviously unsustainable**'. **The stress is not only on the word 'unsustainable' but also on the word 'obviously'**, ie, the degree of unsustainability must appear on the face of the statement of claim without having to go into a lengthy and mature consideration in detail. If one has to go into a lengthy detailed argument and mature consideration of the issues of law and/or fact, then the matter is not appropriate to be struck out summarily. It must be determined at the trial."

[23] Atas dasar isu Had masa sahaja (on the face of it), tindakan ini tidak dapat dipertahankan. Apatah lagi jika dirujuk invois-invois yang dijadikan asas dalam tindakan ini. Mahkamah ini sekali lagi mengulangi bahawa tuntutan Plaintiff di sini bukanlah akibat kemungkiran kontrak atau keingkaran Perjanjian Tersebut tetapi ia adalah kegagalan pembayaran berdasarkan invois-invois bagi barangan yang telah dihantar serah sebagai balasan atas Perjanjian Tersebut iaitu satu tindakan yang bukan melibatkan Defendan-Defendan di sini.



[24] Dari segi prosedur, bukan sahaja Defendan-Defendan menafikan invois-invois pernah diserahkan, dialamatkan atau diterima Defendan-Defendan bahkan tiada dalam mana-mana eksibit dikemukakan satu notis tuntutan kepada Defendan-Defendan sebelum memulakan tindakan undang-undang di Mahkamah ini.

[25] Walaupun dinyatakan oleh Plaintiff dalam perenggan 12 Penyataan Tuntutan bahawa Plaintiff melalui peguamcaranya telah mengeluarkan Notis tuntutan bertarikh 26/11/2020, Mahkamah ini tidak dapat melihat mana-mana Notis Tuntutan dalam kertas kausa atau Ikatan Dokumen yang difailkan oleh Plaintiff. Oleh demikian, tiada bukti bahawa Notis Tuntutan telah diserahkan kepada Defendan-Defendan.

[26] YA Ramly Ali juga memberi pandangan berhubung penggunaan ***Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012*** seperti berikut:

“[9] Kuasa sedia ada mahkamah untuk membatalkan sesuatu tuntutan secara prosedur terus merupakan suatu kuasa yang drastik. Ia hanya akan digunakan dalam kes yang jelas dan nyata sahaja dan perlu dilaksanakan dengan berhati-hati (Kes CC Ng & Brothers Sdn Bhd v. Government of the State of Pahang [1985] 1 CLJ 235; [1985] 1 MLJ 347 dan Solai Realty Sdn Bhd v. United



Overseas Bank (Malaysia) Berhad [2013] 1 LNS 384; [2013] 4 MLJ 545 dirujuk).

[27] Mahkamah ini membuat dapatan bahawa penggunaan Aturan 92 kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah sesuai bagi tindakan di sini dan ia juga memenuhi kehendak di bawah Aturan 18 kaedah 19 (1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[28] Oleh demikian, Notis Permohonan Defendan-Defendan di lampiran 14 di sini dibenarkan dengan kos RM5,000.00 dan tindakan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan di sini dibatalkan.

Disediakan oleh,

Sazlina Safie

.....

SAZLINA BINTI SAFIE
KETUA PUSAT MEDIASI @
HAKIM MAHKAMAH SESYEN 4
JOHOR BAHRU
TARIKH : 17/7/2022.

Pihak-pihak:

Peguamcara Plaintiff:

Mohd Fikri Abd Rahman



[RADZLAN LOW & PARTNERS]

Peguamcara Defendan-Defendan:

Muhammad 'Azzam bin Zainal Abidin

[Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor]



S/N sVYuSAPSUWuc9grl8rArw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal